

11/01/2000

25 bahagian calon Dr M, Pak Lah

M Noh Senan; Rahman Hashim; Ismail Mat; Magendran Rajagopal  
KUALA LUMPUR, Isnin - Semua 25 bahagian Umno di Johor dan Melaka sebulat suara setuju mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Presiden dan Timbalan Presiden dalam pemilihan parti itu Mei ini.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata semua 20 bahagian di Johor menyokong usul kedua-dua jawatan itu tidak ditandingi.

"Umno Johor telah mengadakan mesyuarat pada 4 Januari lalu dan membuat keputusan kedua-dua jawatan tertinggi itu tidak ditandingi.

"Kami di Johor membuat keputusan bersetuju di atas cadangan dan nasihat Majlis Tertinggi bahawa Dr Mahathir dan Abdullah sahaja dicalonkan bagi jawatan presiden dan timbalan presiden," katanya ketika ditemui selepas majlis rumah terbuka di Muar, hari ini.

Bagaimanapun, Abdul Ghani menegaskan bahawa Umno Johor mengambil pendirian tidak menyekat mana-mana calon daripada bertanding jawatan Naib Presiden dan MT.

Di Melaka, semua lima bahagian Umno negeri ini juga akan mencalonkan Dr Mahathir dan Abdullah sebagai calon tunggal bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno.

Ketua Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, berkata keputusan itu dicapai semasa mesyuarat Badan Perhubungan Umno negeri pada 5 Januari lalu.

Beliau berkata, mesyuarat itu juga sebulat suara menyokong penuh saranan Majlis Tertinggi (MT) supaya kedua-dua jawatan itu tidak dipertandingkan.

"Kita mengambil masa bertahun-tahun untuk memantapkan Umno, oleh itu kita mesti ikut nasihat MT," katanya di Melaka, hari ini.

Di PORT DICKSON, Menteri Besar Tan Sri Mohd Isa Samad, berkata beliau percaya tidak ada bahagian akan membuat pencalonan yang membuka jalan kepada perebutan jawatan timbalan presiden.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri itu, berkata keyakinan ini adalah berdasarkan kepada kehendak pemimpin dan ahli parti yang mahu mengekalkan tradisi supaya jawatan utama tidak dipertandingkan.

"Oleh kerana Abdullah kini menjalankan tugas timbalan presiden, saya berpendapat Timbalan Perdana Menteri itu tiada pilihan dan perlu bertanding jawatan nombor dua itu.

"Saya tak fikir ada bahagian akan mengemukakan calon lain menentang Abdullah," katanya kepada pemberita di rumah terbuka Aidilfitri di kediamannya di Seremban, hari ini.

Katanya, hasrat MT supaya kedua-dua jawatan itu tidak dipertandingkan akan dimaklumkan kepada semua bahagian di negeri itu apabila Badan Perhubungan Umno negeri mengadakan mesyuarat tidak lama lagi.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, menyifatkan kesediaan Abdullah menghadapi pertandingan jika dicalonkan pada pemilihan Mei ini, sebagai tindakan yang mencerminkan ketelusan seorang pemimpin.

Katanya, tindakan Abdullah mengumumkan kesediaan bertanding itu memang diduga dari awal dan wajar diberi sokongan dan galakan oleh semua ahli Umno.

"Kecemerlangan beliau melaksanakan tugas seorang Timbalan Presiden Umno selain menjadi Timbalan Perdana Menteri wajar dijadikan ukuran sama ada beliau menepati aspirasi dan kehendak parti.

"Kalau ada calon yang ingin menentang Abdullah bagi jawatan Timbalan Presiden, mereka tidak telus dan hanya sekadar mencuba nasib tanpa alasan munasabah yang kukuh bagi merebut jawatan berkenaan.

"Bagi saya, Abdullah adalah calon terbaik untuk jawatan itu," katanya ketika dihubungi hari ini.

Mesyuarat MT pada 4 Januari lalu mengesyorkan Dr Mahathir dikekalkan sebagai Presiden, manakala Abdullah dicalonkan bagi jawatan Timbalan Presiden.

(END)